



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PANDUAN PENDAFTARAN
PROGRAM DIPLOMA KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)
*SESI: 3/2020 AMBILAN NOVEMBER / 1/2021 AMBILAN JANUARI
(*Potong mana yang tidak berkenaan)**

1. PROSEDUR TERIMA TAWARAN

1.1 Pemohon yang layak dan bersetuju menerima tawaran ini, perlu:

- a. Membaca surat tawaran dengan teliti,
- b. Membuat bayaran yuran pendaftaran secara atas talian (*online*) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di <http://bayar.maraeps.my> ,
- c. Setelah pembayaran dibuat, wajib layari semula portal UPIM di <http://apponline.mara.gov.my/upimonline> untuk pengesahan setuju terima tawaran, pemohon dikehendaki:
 - i. Klik butang **klik di sini jika telah cetak slip tawaran dan bayaran setuju terima telah dibuat**,
 - ii. Klik butang **setuju terima tawaran**,
 - iii. Masukkan **nombor transaksi ID** di ruangan yang disediakan,
 - iv. Klik butang **hantar**,
 - v. Klik butang **cetak surat tawaran**
 - vi. Klik butang **muat turun** untuk dapatkan salinan **surat tawaran & senarai semak/dokumen**. Wajib **cetak** kedua-dua dokumen tersebut.

2. YURAN

2.1 **Yuran pengajian** dikecualikan sepanjang tempoh pengajian bagi semua pelajar.

2.2 Pelajar perlu membuat bayaran yuran seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

- a) Yuran Pendaftaran dan Yuran Semester **Sesi 3/2020 Ambilan November**

Maklumat Yuran Program Diploma		Lepasan SPM/SPMV/STPM/Sijil Kemahiran (RM)	Lepasan IEP KPM (RM)
A: YURAN PENDAFTARAN			
1.	Program Pembinaan Sahsiah		
	Makan/minum, kad/tag & orientasi		
2.	Pemeriksaan Kesihatan/Dadah		
JUMLAH YURAN PENDAFTARAN (A)		86.00	50.00
B: YURAN SEMESTER			
1.	Aktiviti Siswa Kolej (ASK)	35.00	35.00
2.	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	20.00	20.00
3.	Peperiksaan	15.00	15.00
4.	Komputer & Internet	10.00	10.00
5.	Insurans kelompok	10.00	10.00
6.	Kebajikan pelajar	10.00	10.00
JUMLAH YURAN SEMESTER (B)		100.00	100.00
JUMLAH BAYARAN YURAN KESELURUHAN (A + B)		186.00	186.00
C: YURAN LAIN-LAIN			
1.	Koperasi	22.00	22.00
2.	Muafakat	70.00	70.00
JUMLAH YURAN SEMESTER (C)		92.00	92.00

b) Yuran Pendaftaran dan Yuran Semester **Sesi 1/2021 Ambilan Januari**

Maklumat Yuran Program Diploma		Lepasan SPM/SPMV/STPM/Sijil Kemahiran (RM)	Lepasan IEP KPM (RM)
A: YURAN PENDAFTARAN			
1.	Program Pembinaan Sahsiah		
	Makan/minum, &	60.00	60.00
	Kad/tag	50.00	50.00
	Pakej orientasi	20.00	20.00
2.	Pemeriksaan Kesihatan/Dadah	10.00	10.00
JUMLAH YURAN PENDAFTARAN (A)		140.00	140.00
B: YURAN SEMESTER			
1.	Aktiviti Siswa Kolej (ASK)	60.00	60.00
2.	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	35.00	35.00
3.	Peperiksaan	30.00	30.00
4.	Komputer & Internet	20.00	20.00
5.	Insurans kelompok	10.00	10.00
6.	Kebajikan pelajar	25.00	25.00
JUMLAH YURAN SEMESTER (B)		180.00	180.00
JUMLAH BAYARAN YURAN KESELURUHAN (A + B)		320.00	320.00
C: YURAN LAIN-LAIN			
1.	Koperasi	22.00	22.00
2.	Muafakat	70.00	70.00
JUMLAH YURAN SEMESTER (C)		92.00	92.00

I: Yuran Pendaftaran (Bahagian A) dibayar:

- a. untuk Program Pembinaan Sahsiah (Menggantikan Minggu Haluan Siswa) dan perkara yang berkaitan.
- b. **sekali** dalam tempoh pengajian.

II: Yuran Semester (Bahagian B) dibayar oleh setiap pelajar baharu dan pelajar kanan

- a. pada **setiap semester pendek** dalam tempoh pengajian.

III: **Yuran Pendaftaran (Bahagian A) dan Yuran Semester (Bahagian B)** dibayar bersekali sebagai **syarat menerima tawaran** pengajian diploma KPM. Bayaran yuran (Bahagian A & B) hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di laman sesawang <https://bayar.maraeps.my> atau melalui aplikasi **MARAeps**. **Sila bawa slip asal dan satu salinan Resit Bayaran** semasa hari pendaftaran sebagai bukti bayaran telah dilakukan.

IV: Yuran Lain (Bahagian C) perlu dibayar:

- a. untuk Yuran Koperasi dan Yuran Muafakat
- b. **Yuran Koperasi dibayar sekali** dalam tempoh pengajian **sebanyak RM 22.00. Jumlah Yuran Muafakat yang perlu dibayar adalah sebanyak RM120.00 dalam tempoh pengajian dimana RM 70.00 untuk semester 1 dan RM 50.00 untuk semester 4** pengajian.
- c. **Yuran Koperasi dan Badan Muafakat** hendaklah dibayar secara atas talian (*online*) ke akaun kolej seperti jadual di bawah. Pelajar diingatkan untuk **membawa dan menyerahkan Resit / slip bayaran asal semasa hari pendaftaran sebagai bukti pembayaran telah dilakukan.**

BIL.	KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)	NAMA & NOMBOR AKAUN KOPERASI	NAMA & NOMBOR AKAUN MUAFAKAT
1.	Beranang, Selangor	Koperasi Kolej Profesional MARA Beranang Berhad 12092010010864 – BIMB	Muafakat Kolej Profesional MARA Beranang 12195010011207 – BIMB
2.	Ayer Molek, Melaka	Koperasi Kolej Profesional MARA Ayer Molek Berhad 554110502465 – Maybank	Muafakat Kolej Profesional MARA Ayer Molek 554026210477 – Maybank
3.	Bandar Melaka, Melaka	Koperasi Kolej Profesional MARA Bandar Melaka Berhad 504021279719 – Maybank	Badan Pemuafakatan Pendidikan MARA Malaysia (MUAFAKAT) 8601127563 - CIMB
4.	Indera Mahkota, Pahang	Koperasi Kolej Profesional MARA Indera Mahkota Berhad 8005357533 – CIMB	Muafakat Kolej Profesional MARA Indera Mahkota 8005363314 – CIMB
5.	Seri Iskandar, Perak	Koperasi Kolej Profesional MARA Seri Iskandar Berhad 08086010006000 – BIMB	Muafakat Kolej Profesional MARA Seri Iskandar 08086010010883 – BIMB
6.	Bandar Penawar, Johor	Koperasi Kolej Profesional MARA Bandar Penawar Berhad 01135010001080 – BIMB	Muafakat Kolej Professional MARA Bandar Penawar 01135010000686 – BIMB

V: Tawaran ini adalah terbatal dengan sendirinya jika pelajari gagal untuk membuat pengesahan setuju terima pada tarikh yang telah ditetapkan

VI: Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar gagal untuk hadir melapor diri pada hari pendaftaran.

3. TATACARA PENDAFTARAN DI KOLEJ

3.1 Pelajar dikehendaki mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan seperti dinyatakan dalam jadual berikut:

PROGRAM	SESI	TARIKH PENDAFTARAN
Diploma (Lepasan SPM/ SPMV/ STPM/ Sijil Kemahiran)	Sesi 3/2020 Ambilan November	04 November 2020
Diploma (Lepasan IEP Julai 2020)	Sesi 3/2020 Ambilan November	07 November 2020
Diploma In Computer Science (KPM Beranang)	Sesi 3/2020 Ambilan November	07 November 2020
Diploma (Lepasan SPM/ SPMV/ STPM/ Sijil Kemahiran)	Sesi 1/2021 Ambilan Januari	21 Januari 2021
Diploma (Lepasan IEP Julai 2020)	Sesi 1/2021 Ambilan Januari	23 Januari 2021

3.2 Pelajar dikehendaki mengisi, melengkapkan dan membawa dokumen pendaftaran berikut bagi persiapan pendaftaran di KPM:

- i. **Buku Pendaftaran Pelajar: 1 Set salinan asal**
- ii. **Dokumen Perjanjian MARA: 3 Set salinan asal**

3.3 Pelajar dikehendaki membawa **dokumen Asal dan satu Salinan Fotokopi yang telah *disahkan** bagi semua dokumen yang diperlukan seperti dibawah semasa sesi pendaftaran di kolej :

- i. **Sijil SPM / SPMV & STPM / STAM / Sijil Kemahiran.**
- ii. **Sijil Kelahiran / Sijil Anak Angkat Pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.**
- iii. **Sijil Kelahiran / Sijil Kematian / Sijil Perceraian Ibumapa / Penjaga yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.**

PERHATIAN:

[Pelajar TIDAK akan dibenarkan mendaftar jika tiada DOKUMEN ASAL DAN SALINAN FOTOKOPI YANG TELAH *DISAHKAN (Pengesahan adalah daripada Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan A) / Pengetua / Guru Besar / Guru Penolong Kanan / Penggawa / Penghulu / Ketua Kampung / Ketua Kaum / Ketua Anak Negeri / Kapitan / Pemanca / Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK))]

4. PENAMPILAN DIRI SEMASA PENDAFTARAN / KULIAH / TUTORIAL / AMALI / BENGKEL / ACARA RASMI KOLEJ

- 4.1 Pelajar lelaki
- a. Kemeja berlungan panjang dan seluar panjang.
 - b. Tali leher
 - c. Tali pinggang (***Ketebalan tidak melebihi 3 sentimeter***)
 - d. Rambut pendek dan kemas
 - e. Kasut kulit / PVC
- *Seluar jeans, baju T-shirt tidak dibenarkan**

Pelajar perempuan

- a. Baju kurung/ kemeja labuh berlengan panjang
- b. Kasut kulit/ PVC

***Seluar jeans, skirt pendek dan baju t-shirt tidak dibenarkan**

- 4.2 Pakaian disediakan oleh pelajar dan pembiayaan tidak ditanggung oleh MARA.
- 4.3 Selipar hanya dibenarkan di surau dan asrama sahaja.
- 4.4 Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai aksesori seperti rantai, gelang tangan dan subang.

5. PROGRAM PEMBINAAN SAHSIAH

Program Pembinaan Sahsia bermula pada hari pendaftaran. Semua pelajar diwajibkan mengikuti aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Setiap pelajar perlu mematuhi **Standard operating Procedure (SOP)** yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan semasa pendaftaran. Konsep penjarakan fizikal perlu diteruskan sepanjang masa.

6. KEMUDAHAN

6.1 Asrama

Asrama disediakan bagi semua pelajar pada **semester pertama** sahaja. Bagi pelajar semester kedua dan seterusnya akan diberikan kemudahan asrama bergantung kepada kekosongan penempatan dan syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh kolej.

6.2 Elaun Sara Hidup

Pelajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MARA akan menerima bantuan dalam bentuk elaun sara hidup bulanan dengan kadar seperti dinyatakan dalam jadual di bawah sepanjang tempoh pengajian:

BULAN	AMAUN ELAUN SARA HIDUP
Januari	300.00
Februari	300.00
Mac	300.00
April	300.00
Mei	150.00
Jun	300.00
Julai	300.00
Ogos	300.00
September	300.00
Oktober	150.00
November	300.00
Disember	150.00

Semua pelajar dikehendaki membuka akaun simpanan seperti berikut:

- i. Pelajar KPM Bandar Penawar: **Bank Islam sahaja.**
- ii. Lain-lain KPM : **Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) sahaja.**

- iii. Pelajar lepasan program IEP yang meneruskan pengajian ke peringkat diploma, **tidak perlu membuka akaun simpanan baharu.**

PERHATIAN:

Proses pemberian elaun mengambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan pertama semasa semester satu, justeru ibubapa / penjaga disarankan untuk menyediakan wang saku pelajar dalam tempoh tersebut untuk perbelanjaan makan / minum dan lain-lain keperluan harian jika perlu.

6.3 Tambang Perjalanan Pelajar Sabah, Sarawak & Labuan

Pelajar yang layak mendapat bantuan elaun, akan dibiayai tambang perjalanan udara (penerbangan) pergi dan balik sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pelajar boleh membuat tuntutan bayaran perjalanan ini dengan mengemukakan tiket asal untuk mendapatkan gantian kos tiket penerbangan.

7. PERATURAN

- 7.1 Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh KPM (Akademik, Disiplin dan Kokurikulum). Pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh MARA dari semasa ke semasa sepanjang tempoh pengajian. **MARA berhak**, pada bila-bila masa mengubah, mengubahsuai atau meluaskan syarat-syarat tawaran ini tanpa menyentuh jaminan penjamin-penjamin dan tanpa melepaskan atau dengan apa-apa jalan menyentuh tanggungan penjamin-penjamin pelajar.
- 7.2 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** bekerja sepanjang tempoh pengajian sama ada secara sepenuh masa atau sambilan.
- 7.3 Pihak MARA juga tidak menjamin sebarang pekerjaan kepada pelajar setelah tamat pengajian.
- 7.4 Sekiranya pelajar **MENARIK DIRI / BERHENTI / DIBERHENTIKAN** dari meneruskan pengajian oleh kerana masalah akademik ataupun masalah disiplin, maka semua pembayaran yang telah dijelaskan oleh pelajar, **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**. Di samping itu pelajar juga dikehendaki **membayar balik semua elaun sara hidup yang telah diterima daripada pihak MARA.**
- 7.5 **Diingatkan juga pelajar yang telah berhenti atau diberhentikan dari mana-mana KPM, hanya dibenarkan membuat permohonan baharu ke KPM dalam tempoh SATU (1) tahun dari tarikh berhenti ATAU diberhentikan.**

8. PENUTUP

Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) mengucapkan terima kasih kerana membuat pilihan mengikuti program diploma di Kolej Profesional MARA (KPM). Sila layari laman sesawang KPM yang ditawarkan seperti jadual di bawah untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai proses pendaftaran dan lain-lain:

KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)	NO. TELEFON & NO FAKS	LAMAN WEB
Ayer Molek <i>Km 16, Jalan Ayer Molek / Tiang Dua, 75460 Ayer Molek, Melaka</i>	06-2695881/882 (T) 06-2695880 (F)	https://ayermolek.kpm.edu.my
Bandar Melaka <i>Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka</i>	06-2812011/012 (T) 06-2812009 (F)	https://bmelaka.kpm.edu.my
Bandar Penawar <i>Jalan Ungku Abdul Aziz, Bandar Penawar, 81930 Bandar Penawar, Johor</i>	07-884 2222 (T) 07-884 2200 (F)	https://bpenawar.kpm.edu.my
Beranang <i>Lot 2333, Jalan Kajang/Seremban, 43700 Beranang, Selangor</i>	03-87668935/36 (T) 03-87668940 (F)	https://beranang.kpm.edu.my
Indera Mahkota <i>Jalan Sungai Lembing 25200 Kuantan, Pahang</i>	09-5736304/6346 (T)	http://www.kpmim.edu.my
Seri Iskandar <i>Jalan Bandar U 1, Bandar Seri Iskandar, 31750 Seri Iskandar, Perak</i>	05-371 1045 (T) 05-371 2385 (F)	https://seriiskandar.kpm.edu.my